

Selasa, 22 Oktober 2019 | 1:54pm

KPDNHEP rampas barang kawalan bernilai hampir RM1 juta

Oleh Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

PASIR MAS: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan merampas barang kawalan bernilai hampir RM1 juta sejak Januari sehingga hari ini.

Pengarahnya, Adnan Abd Rahman, berkata jumlah itu merangkumi 179 kes seluruh Kelantan membabitkan pelbagai barangan seperti gula, minyak masak, tepung gandum dan petrol.

Katanya, nilai itu termasuk kes serahan daripada agensi penguatkuasa lain berjumlah RM316,432 manakala hasil anggota KPDNHEP sendiri sebanyak RM664,318.82.

"Rampasan barang kawalan yang paling tinggi membabitkan minyak masak iaitu 48 kes diikuti dengan rampasan petrol sebanyak 29 kes untuk tahun ini saja.

"Kerjasama baik antara agensi penguatkuasaan lain seperti Pasukan Polis Marin (PPM), Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) nyata memberi impak positif dalam membanteras penyeludupan barang kawalan terutama di sempadan.

"Pihak kami tidak mempunyai kuasa untuk membuat tangkapan namun berkongsi info dan maklumat dengan pihak penguatkuasa lain yang berhak untuk mengambil tindakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2019 (SHMMP DV 2019) di Pasaraya Pantai Timor, Lubok Jong, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah KPDNHEP, Azanizam Affendi Juri.

Mengulas lanjut, Adnan berkata, pihaknya akan terus mempergiatkan operasi dan lawatan ke premis dan kedai yang menjual barangan kawalan terutama di sempadan serta berkongsi info hasil risikan bersama agensi lain.

Dalam perkembangan lain, Adnan berkata pelaksanaan SHMMP DV 2019 sebagai langkah menyekat kenaikan harga barangan keperluan menjelang perayaan Deepavali, berkuat kuasa pada 20 Oktober sehingga 2 November 2019.

"Sebanyak 19 barangan ditentukan dengan harga maksimum bagi pelaksanaan skim ini seperti ayam, daging, telur, kacang bendi, tomato, kelapa dan cili kering.

"Tindakan tegas diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan di bawah skim ini dan akan disiasat di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya.



Adnan (kiri) memeriksa harga barangan selepas Majlis Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2019, di Pasir Mas, hari ini. - NSTP/Syaherah Mustafa